

PENGENALAN DAKWAH.¹

Oleh:

Dato' Hj. Abdul Majid bin Omar

Timbalan Mufti

Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Pendahuluan.

Setiap Muslim yang komited dengan ajaran Islam adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan suatu tugas yang suci dan paling mulia iaitu berdakwah. Tugas ini adalah merupakan warisan para nabi kepada umatnya untuk dilaksanakan dengan sebaik mungkin serta dengan segala keupayaan dan kemampuan yang dimiliki. Keagungan dan kegemilangan umat Islam pada zaman silam hingga muncul sebagai *khaira ummah* ketika itu, adalah berpunca daripada kejayaan mereka yang dapat melaksanakan tanggungjawab dakwah dengan berkesan. Mereka berusaha dengan penuh kegigihan mengajak manusia ke jalan Allah, menyeru melakukan kebaikan dan mencegah segala bentuk kemungkaran.

Apabila merujuk kepada sejarah para nabi, memang diakui bahawa usaha dakwah yang dilakukan hanyalah untuk kaum mereka sendiri sebagaimana Nabi Musa a.s. kepada kaum Bani Israil, begitu juga dengan Nabi Isa a.s. Nabi Hud kepada kaum 'Ad dan Nabi Saleh kepada kaum Tsamud. Namun, berbeza dengan Nabi Muhammad s.a.w. yang diutus kepada seluruh umat manusia dan risalah yang dibawanya membawa rahmat kepada sekalian alam dan seluruh umat manusia selepasnya tanpa mengira sempadan geografi, warna kulit, bangsa, bahasa, budaya serta merentasi zaman dan masa.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan pada Kursus Pendekatan Dakwah Kontemporari, 28-30 Mei 2007, Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, Bangi, anjuran Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS).

Ia memberi petunjuk bahawa usaha yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. hendaklah diwarisi dalam kalangan umatnya tanpa mengira mereka itu orang Arab atau pun 'ajam, tidak mengira mereka yang berada di Asia mahu pun di Eropah. Oleh kerana Islam mempunyai nilai sejagat dan diperakui membawa rahmat, agama yang suci ini tidak akan tersebar luas memenuhi ruang di seluruh pelusuk alam sekiranya usaha dakwah tidak dijalankan dan dilakukan oleh mereka yang berilmu dan memahami serta mengetahui tanggungjawabnya sebagai pendakwah.

Memahami metode dakwah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. adalah penting kerana apa yang ditunjukkan oleh baginda tentang cara berdakwah adalah merupakan satu sunnah. Ia merupakan prinsip asas bagi persediaan dan pelaksanaan dakwah itu sendiri. Sekiranya ia tidak dapat difahami secara jelas, maka dikhuatiri usaha dakwah menjadi kurang berkesan dan tidak sampai kepada matlamat yang dituju.

Definisi Dakwah.

Salah satu sifat Rasulullah s.a.w. yang wajib diimani adalah *at-tabligh* atau menyampaikan. Subjek yang perlu disampaikan oleh baginda kepada umat manusia adalah risalah Islam dan proses ini dikenali sebagai dakwah. Dakwah dari segi bahasa ertinya menyeru, mengajak, memanggil, menyampai dan mendorong (5M). Perkataan lain yang seiring dengan dakwah adalah seperti *al-wa'zu*, *al-irsyad*, *at-tabligh* dan lain-lain yang seumpamanya. Dari segi istilah, ia boleh dimaksudkan sebagai mengajak atau menyeru manusia ke jalan Allah dengan menyuruh mereka melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran agar beroleh kejayaan serta kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Berdasarkan pengertian ini, dakwah memberi makna yang jelas untuk mengajak umat manusia supaya menghayati Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan syumul. Islam dipraktikkan dalam segenap aspek

kehidupan tanpa wujud pemisahan dan pengasingan, sebagai mana firman Allah s.w.t.² yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman. Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.

Dalam konteks kehidupan hari ini, dakwah haruslah dilaksanakan oleh setiap individu muslim bagi memakmur, mengislah serta mengangkat nilai dan martabat manusia. Pentingnya gerakan dakwah ini perlu dilihat melalui fenomena yang berlaku dan melanda umat Islam di zaman ini seperti pengaruh sekularisme yang telah lama bertapak dalam kehidupan masyarakat Islam sehingga mempengaruhi pemikiran, perasaan, pandangan serta cara hidup; gejala keruntuhan sosial yang semakin membimbangkan termasuklah perkara yang melibatkan penghakisan iman dan akhlak serta penyelewengan akidah; serta gerakan musuh Islam yang membuat pelbagai persediaan, perancangan dan strategi yang bergerak secara tersusun bagi menjauhkan umat Islam dari agamanya dengan menimbulkan keraguan terhadap agama Islam.

Tetapi yang paling penting dan utama bagi gerakan dakwah adalah untuk memenuhi tanggungjawab manusia sebagai khalifah dan memenuhi tuntutan al-Quran supaya dilahirkan dalam kalangan manusia satu jamaah atau organisasi yang bertanggungjawab mengajak manusia kepada yang makruf dan mencegah kemungkaran. Firman Allah s.w.t.³ yang bermaksud:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

² Al-Baqarah, ayat 208.

³ Ali-Imraan, ayat 104.

Menurut Tafsir al-Jalalain, kalimah '*al-khair*' (kebajikan) yang disebut dalam ayat ini bermaksud Islam. Dalam hadis pula, Rasulullah s.a.w. menerangkan '*al-khair*' yang tersebut dalam ayat ini adalah 'menurut ajaran al-Quran dan sunnahku'.⁴ Di samping itu, Rasulullah s.a.w. sendiri telah berpesan kepada umatnya dengan satu amanah yang mesti dilaksanakan melalui sabda baginda yang bermaksud: 'Sampaikanlah sesuatu daripadaku walaupun sepotong ayat'. Ia jelas terbukti bahawa jaminan Allah s.w.t. bahawa kejayaan, kecemerlangan dan kesejahteraan akan dapat dicapai apabila terdapat usaha yang bersungguh-sungguh untuk melaksanakan tanggungjawab berdakwah.

Materi atau isi dakwah yang disampaikan hendaklah berlandaskan kepada al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan yang utama. Usaha dakwah yang tidak merujuk atau berlawanan dengan dua sumber yang utama ini tidak akan dapat mencapai tujuan dan matlamat dakwah yang sebenar. Lantaran itu, umat Islam pada zaman awal kemunculannya adalah merupakan generasi pendakwah yang paling berjaya dan berkesan apabila mengambil atau mencedok al-Quran dan hadis sepenuhnya. Ia dibuktikan dengan luasnya pengaruh empayar Islam di zaman Rasulullah s.a.w., para sahabat dan tabiin selepasnya.

USLUB DAKWAH.

Usaha yang dilakukan tanpa perancangan tidak akan dapat menghasilkan suatu produk atau hasil yang baik dan memuaskan. Begitu juga dengan usaha dakwah perlu diiringi dengan perancangan dan pengurusan yang baik. Setiap perancangan dan pengurusan dakwah perlu melihat kepada uslub atau kaedah yang baik bagi menentukan hasil yang memuaskan dan menepati kehendak sasaran. Pemahaman uslub dakwah yang jelas dan mantap amat penting agar segala aktiviti dakwah tidak tergendala dan menghadapi banyak rintangan. Biarpun begitu, setiap usaha untuk menyampaikan risalah Allah tidak dapat lari dari berhadapan dengan mehnah dan tribulasi. Namun,

⁴ Tafsir al-Alusi, 4:19.

kebijaksanaan perancangan amat perlu bagi meminimumkan tribulasi tersebut.

Uslub membawa erti '*tariq*' iaitu jalan.⁵ Uslub dalam ilmu dakwah lebih difahami sebagai kaedah atau metode dakwah. Menurut Abdullah Mohd. Zin, '*Method means a particular way of doing something*'. *A particular way* boleh diertikan sebagai jalan atau kaedah yang tertentu untuk melakukan sesuatu.⁶ Dalam perkara ini, Muhammad Mahmud al-Sawwaf⁷ dan Muhammad Husayn Fadlullah⁸ sepakat menyimpulkan bahawa uslub dakwah yang utama disebut dalam al-Quran⁹ yang bermaksud:

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Berdasarkan ayat ini, terdapat tiga kaedah atau metode yang baik bagi menjalankan aktiviti dakwah iaitu dengan cara hikmah kebijaksanaan (*bil-hikmah*), nasihat dan pengajaran yang baik (*mauizah al-hasanah*) dan berbahas dengan cara yang baik (*mujadalah billati hiya ahsan*).

1. Berdakwah dengan cara hikmah kebijaksanaan (*bil-hikmah*).

Masyarakat Arab Jahiliyyah merupakan masyarakat yang menjadi makmal kepada keberkesanan metode dakwah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Ternyata bahawa hasil daripada ujian tersebut sangat baik lantaran masyarakat Arab yang tidak mempunyai pedoman dan pegangan telah menjadi masyarakat yang beriman kepada Allah, masyarakat yang mundur telah bertukar menjadi masyarakat yang

⁵ Munjid Tullab, 1956, hal. 328.

⁶ Abdullah Mohd. Zin, Islamic Dakwah, 1991, Kuala Lumpur, Pustaka Antara Sdn. Bhd.

⁷ Muhammad Mahmud al-Sawwaf, ad-Dakwah wa ad-Du'ah min al-Quran wa ila al-Quran, 1987.

⁸ Muhammad Husayn Fadlullah, Uslub ad-Dakwah fi al-Quran, 1979, Beirut, Dar al-Zahra.

⁹ An-Nahl, ayat 125.

bertamadun. Adalah penting untuk diteliti bahawa masyarakat Arab ketika itu sebagai model untuk dijadikan ikutan lantaran wujudnya kebaikan sebaik sahaja mereka memeluk Islam.

Rasulullah s.a.w. berdakwah kepada semua golongan dan peringkat masyarakat. Sasaran dakwah baginda bermula dari peringkat bawahan seperti golongan hamba hinggalah ke peringkat atasan seperti pemimpin negara.¹⁰ Baginda juga berdakwah kepada orang-orang Yahudi dan Kristian yang pernah menerima dan beriman dengan Kitab Allah,¹¹ begitu juga dengan golongan penyembah berhala. Bagi menarik perhatian pelbagai kelompok dan golongan ini agar mengenali dan menerima Islam, baginda menggunakan pelbagai pendekatan. Perkara ini sangat penting kerana setiap kelompok mempunyai keperluan dan masalahnya yang tersendiri.

Oleh itu, menyampaikan dakwah dengan hikmah kebijaksanaan boleh dilaksanakan melalui penggunaan tutur kata yang lemah lembut dan menarik; hujah yang konkrit dan mudah difahami yang dapat menyingkap kebenaran dan menghilangkan keraguan; menggunakan pendekatan psikologi untuk mendekati manusia dengan agama; dakwah yang disampaikan sesuai dengan tingkat pemikiran seseorang individu; serta mengenali dan memahami sasaran dakwahnya.

2. Berdakwah melalui nasihat dan pengajaran yang baik (*mauizah al-hasanah*).

Perkataan *mauizah al-hasanah* membawa maksud sebagai jalan untuk menyampaikan dakwah dan uslub berdakwah bertujuan untuk mendekati bukan menjauhkan, memudahkan bukan menyusahkan, mengasihi dan bukan menakutkan.¹² Menurut Imam al-Ghazali, *mauizah al-hasanah* adalah beberapa pengajaran dan nasihat yang berdasarkan kepada apa

¹⁰ Baginda menulis surat kepada raja Rom dan Parsi, lihat al-Kandahlawi, Hayat al-Sahabah, 1983, Dimishq, Jld 1, hal. 124-126.

¹¹ Ali-Imraan, ayat 64.

¹² Muhammad Husayn Fadlullah, Uslub ad-Dakwah fi al-Quran, 1979, Beirut, Dar al-Zahra.

yang terkandung dalam al-Quran dan aspek perkhawaran yang mengembirakan dan ancaman yang menakutkan kemudian disertai dengan kesabaran dan keikhlasan dalam nasihat yang diberikan.

Beberapa ciri *mauizah al-hasanah* adalah seperti nasihat yang menjurus kepada keredhaan Allah s.w.t.; nasihat dan pengajaran yang dapat melembutkan hati serta meninggalkan kesan yang mendalam, ia juga perlu mengandungi unsur *at-tarhib* dan *at-tarhib* iaitu galakan dan pencegahan; merujuk contoh tauladan yang terbaik dan akhlak yang terpuji sebagai model untuk diikuti; serta mendedahkan kebaikan dan kebajikan Islam bagi menarik minat dan keinginan kepada Islam.

3. Berdakwah melalui berbahas dengan cara yang baik (*mujadalah billati hiya ahsan*).

Al-mujadalah bermaksud perbincangan dan perbahasan dengan mengemukakan hujah dan dalil yang dapat menerangkan sesuatu maksud yang tidak jelas. Menurut imam al-Ghazali, *al-mujadalah* adalah perdebatan yang berlaku antara pendakwah dengan orang yang didakwah hendaklah dilakukan dengan cara berhati-hati dan berlemah-lembut hingga membangkitkan kesedaran kepada hati, pengajaran pada jiwa dan kejernihan pada akal. Matlamat *al-mujadalah* adalah untuk membuka pemikiran *mad'u* serta menghilangkan kekeliruan dan menjelaskan kebenaran. Ia boleh dilaksanakan melalui perbincangan dalam suasana harmoni dan penuh kemesraan bagi mencari kebenaran; mengemukakan hujah yang kukuh, bidasan yang tepat serta dalil yang meyakinkan; serta pengawalan emosi bagi mengelakkan kesan negatif yang mungkin timbul hasil perbahasan tersebut.

Selain daripada tiga kaedah atau metode yang dinyatakan, beberapa kaedah lain dilihat boleh dilaksanakan sesuai dengan keadaan dan persekitaran yang wujud, antaranya *dakwah bil-lisan wa kitabah* dan *dakwah bil-hal*.

Tanggungjawab dan Peranan Pendakwah.

Menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran adalah satu risalah agung dan tugas yang mulia dan suci. Risalah ini bermula semenjak Allah s.w.t. mencipta manusia, makhluk yang paling mulia di atas muka bumi, merekalah para nabi dan rasul semenjak nabi Adam a.s. diciptakan sehinggalah nabi Muhammad s.a.w. iaitu nabi dan rasul yang terakhir, ianya berterusan hinggalah ke akhir zaman. Allah s.w.t. telah mengutuskan seorang rasul untuk setiap umat yang telah tersesat, terpesong dan menjauhi *manhaj-Nya*. Para nabi dan rasul bertugas untuk memimpin dan mengingatkan manusia ke arah jalan yang lurus dan menyeru mereka kepada-Nya.

Allah s.w.t. telah mengutuskan nabi Musa a.s. kepada Firaun yang angkuh dengan mengaku bahawa dialah Tuhan. Begitu juga Allah s.w.t. mengutus nabi Nuh a.s. kepada kaumnya yang sesat dan mensyirikkan Allah dengan menyembah patung yang tidak berkuasa untuk memberi sebarang manfaat atau mudharat. nabi Lut a.s. diutuskan kepada kaumnya yang menyimpang dan mempunyai kelakuan yang amat memalukan iaitu hubungan seks sejenis (homoseks). Kemudian diutuskan pula nabi Hud a.s. kepada kaum 'Ad dan nabi Saleh kepada kaum Tsamud, untuk memperbetulkan mereka. Manakala nabi Muhammad s.a.w. pula diutuskan kepada seluruh umat manusia bagi mencapai kebaikan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

Tugas utama para nabi dan rasul adalah menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Mereka telah menghadapi pelbagai rintangan, halangan dan penganiayaan daripada musuh-musuh yang membencinya, malahan mereka turut diseksa semasa menyampaikan risalah agung ini. Walaubagaimanapun, mereka tetap tabah dan sabar dalam menghadapinya dengan berjihad untuk melaksanakan tugas dakwah agar diterima oleh umat manusia.

Begitu juga dengan para pendakwah pada masa kini, tugas berdakwah adalah penting dalam usaha membangunkan ummah yang seimbang dan berkualiti. Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya Ulum al-Din*, telah

menyatakan beberapa langkah yang perlu diikuti oleh para pendakwah dalam melaksanakan usaha dakwahnya, antaranya:

1. Memberitahu dan menasihatkan masyarakat supaya menjauhi perkara yang mungkar. Terdapat sesetengah golongan yang tidak menyedari bahawa apa yang dilakukan itu adalah perkara yang mungkar. Oleh itu, pendakwah perlu memberitahu dan menasihati mereka agar menjauhi dan meninggalkan perbuatan tersebut.
2. Memberi peringatan, nasihat dan pengajaran atau balasan yang akan diterima sekiranya masih melakukan kemungkaran.
3. Memberi peringatan tentang nikmat Allah yang tidak ternilai dan terbilang dan wajib bersyukur di atas nikmat yang dikurniakan.
4. Memberi peringatan terhadap pengajaran umat terdahulu.

Satu persoalan yang sering ditimbulkan, adakah usaha menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran merupakan tugas setiap mereka yang bergelar muslim atau hanya tugas pendakwah semata-mata? Hukum menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah fardhu kifayah, walaubagaimanapun setiap muslim harus memikul tanggungjawab ini secara bersama sepertimana hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

Barangsiapa yang melihat kemungkaran hendaklah ia mencegahnya dengan tangannya (kuasa), jika ia tidak mampu maka hendaklah ia mencegah dengan lisannya, jika ia tidak mampu hendaklah ia mencegah dengan hatinya. Dan yang demikian itulah selemah-lemah iman.

(riwayat Muslim).

Hadis ini ditujukan kepada setiap umat Islam. Ini bermakna setiap umat Islam itu mampu untuk melaksanakan tanggungjawab ini dan ia merupakan tugas asasi bagi pendakwah mengikut kemampuan dan tanggungjawabnya. Menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran merupakan salah

satu sifat yang baik antara sifat-sifat seorang Muslim. Firman Allah s.w.t. .¹³ yang bermaksud:

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong kepada setengah yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang.

Ibn Taimiyah pernah berkata, 'Setiap manusia di atas muka bumi ini hendaklah menyeru kepada kebaikan dan melarang kemungkaran. Ia patut melakukannya walaupun terhadap dirinya sendiri dengan cara yang baik atau sebaliknya'.

Ibn al-Arabi al-Maliki pula berkata, 'Menyeru kepada kebaikan dan melarang kemungkaran merupakan asas agama dan salah satu daripada tiang agama yang ditegakkan oleh umat Islam dan khalifah Tuhan sekalian alam. Ini merupakan tujuan utama Allah s.w.t. mengutuskan para nabi dan fardhu atas seluruh manusia sama ada berdua atau bersendirian mengikut kemampuannya'.

Ciri-ciri Pendakwah Cemerlang.

Dakwah ke jalan Allah s.w.t. ialah dakwah yang paling mulia dan berharga di dunia ini. Ia merupakan kaedah (*manhaj*) yang benar dan jalan yang lurus iaitu jalan para nabi, rasul dan orang-orang yang saleh. Pendakwah hendaklah berpegang dengan seruan dakwahnya dan menunjukkan contoh akhlak yang mulia serta beramal dengan prinsip-prinsip asas dalam perlakuan dan kata-katanya. Pendakwah juga hendaklah beriltizam dengan bersungguh-sungguh tentang apa yang didakwahrkannya kepada orang ramai. Dengan itu, pendakwah perlu berdakwah melalui perbuatannya, bukan dengan kata-katanya sahaja. Bagi menjayakan usaha dakwahnya, pendakwah perlu mempunyai beberapa sifat yang mulia supaya ia dapat menjadi seorang

¹³ At-Taubah, ayat 71.

pendakwah yang baik dan sabar dalam melaksanakan tugas dakwahnya. Antara sifat-sifat yang perlu dimiliki adalah:

1. Hubungan dengan Allah s.w.t.

Pendakwah hendaklah mempunyai hubungan yang erat dengan Allah s.w.t. Ia dapat memberi keyakinan yang kukuh kepada pendakwah dalam menghadapi rintangan dalam kehidupan. Hubungan tersebut juga memberi kesan yang baik dalam dakwah dan menjadikannya seorang yang sabar, tabah dan berani dengan kebenaran. Hubungan dengan Allah s.w.t. dan niat yang ikhlas adalah penting dalam menjalankan usaha dakwah. Pendakwah perlu menjalankan usaha dakwahnya hanya semata-mata kerana Allah s.w.t. dan tidak kerana sebab-sebab lain yang boleh merosakkan dakwahnya. Pekerjaannya juga akan menjadi sia-sia seperti yang difirmankan oleh Allah s.w.t.¹⁴ yang bermaksud:

Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah s.w.t. Tuhan yang memelihara dan menadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya. dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan dan aku (di antara seluruh umatku) adalah orang Islam yang awal pertama - (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintah-Nya).

2. Mengawal Hawa Nafsu.

Setelah pendakwah dapat mengeratkan perhubungannya dengan Allah s.w.t. dan mengikhlaskan niat kepada-Nya, pendakwah perlu membaiki dirinya sendiri dan mengawal hawa nafsunya. Pendakwah hendaklah mengetahui segala perintah dan larangan Allah s.w.t. Imam al-Ghazali berkata, 'Dalam kesibukan berdakwah kepada orang ramai, pendakwah perlu membaiki dirinya terlebih dahulu. Contohnya, jika seorang pendakwah ingin membaiki seseorang daripada sifat bakhil, ia haruslah menjauhkan dirinya daripada sifat tersebut terlebih dahulu. Sesiapa yang memulakan dengan dirinya terlebih dahulu, ia akan mengetahui dengan

¹⁴ Al-An'am, ayat 162-163.

sebenarnya apa yang akan disampaikan kepada orang lain dan kata-kata tersebut akan sampai kepada jiwa yang tulus ikhlas'.

Perkara yang penting bagi para pendakwah Islam ialah mendalami dirinya sendiri dan seterusnya mengubati atau memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam dirinya. Hanya dengan cara itu pendakwah dapat menjadi contoh yang baik (*ukhawah hasanah*) kepada orang lain dan sekaligus menyebabkan orang lain mematuhi apa yang disampaikan oleh pendakwah tersebut serta beriltizam untuk menjauhi apa yang dilarang.

3. Keyakinan Kepada Diri Sendiri dan Mendapat Kepercayaan Masyarakat. Pendakwah hendaklah meyakini dirinya sendiri, agamanya dan segala prinsip (dasar) yang didakwahkan. Kepercayaan terhadap diri sendiri perlu dipupuk melalui kepercayaan terhadap Allah s.w.t.

Kepercayaan masyarakat terhadap pendakwah tidak akan wujud sehinggalah pendakwah itu dapat menjadi satu contoh yang baik dalam perbuatan dan pengetahuannya melalui akhlak dan muamalah sehariannya. Pendakwah hendaklah berakhlak mulia, bercakap benar, menepati janji dan mengasihani sesama manusia. Keyakinan masyarakat terhadap pendakwah juga tidak kuat sekiranya pendakwah tidak menampilkan contoh yang baik dan mengamalkan apa yang disampaikan dalam kehidupannya dari segi prinsip dan akhlak.

Pendakwah yang berdakwah ke jalan Allah s.w.t. perlu menjadi seorang manusia yang berhemah tinggi, mengasihani, menjaga hati orang lain, masyhur dengan kelakuan mengikut al-Quran dan al-sunnah serta beramal dengan kedua-duanya. Pendakwah hendaklah mengelakkan diri daripada berkelakuan yang boleh menyakiti hati orang lain sama ada dari segi perkataan, akhlak dan lain-lain.

Pendakwah juga perlu mahir dalam ilmu usul tauhid serta mengetahui dalil dan hujah, menjadi sebagai doktor yang bijak mengubati penyakit

jiwa manusia dan mampu menjadi penawarnya. Apabila faktor ini dapat dipenuhi, pendakwah boleh melunak dan menjinakkan jiwa manusia yang keras dengan melayani tingkah laku mereka yang buruk itu sehingga hati mereka menjadi jinak. Dengan ini, bolehlah pendakwah mendakwah mereka ke arah kebenaran yang akan memberi manfaat kepada masyarakat.

4. Mencintai Dakwah dan Semangat Berkorban Untuk Melaksanakan Dakwah.

Sifat ini adalah antara sifat yang patut dimiliki oleh seorang pendakwah. Ia menunjukkan kecintaan pendakwah terhadap tugasnya tanpa berbelah bagi. Dakwah merupakan jalan yang benar (*siratul mustaqim*) dan ia tidak akan meninggalkan dakwah tersebut dengan begitu sahaja.

5. Luhur dan Dihormati.

Untuk menyampaikan dakwahnya dengan berkesan pendakwah perlu memiliki sifat yang luhur dan tidak mudah terpengaruh dengan orang lain. Dengan sifat sedemikian, beliau akan sentiasa dihormati. Seorang bangsa Arab pernah bertanya kepada seorang lelaki penduduk Basrah tentang ketua mereka. Lelaki itu menjawab, 'Hassan al-Basri'. Lelaki Arab itu bertanya lagi, 'Bagaimana dia mengetuai kamu semua?' Lelaki itu menjawab, 'Manusia berhajatkan ilmunya, tetapi dia tidak mengingini balasan (wang) daripada mereka'. Ini menunjukkan, pendakwah tidak boleh mendahulukan kehendak atau kemahuan dirinya sendiri serta bersifat mementingkan diri sendiri. Pendakwah perlu mementingkan keperluan dan kebaikan orang ramai lebih daripada kepentingan dirinya sendiri. Pendakwah juga haruslah mempunyai sifat pemaaf dan menyedari bahawa setiap manusia melakukan kesalahan dan Allah s.w.t. sentiasa menerima taubat hamba-Nya.

6. Sabar dan Tabah Menghadapi Kesusahan.

Dalam melaksanakan tugas dakwah ke jalan Allah, banyak halangan dan masalah yang perlu dihadapi seperti musuh-musuh Allah yang bertujuan menjauhkan mereka daripada manhaj Allah. Mereka

memusuhi pendakwah secara terang-terangan dan tersembunyi.

Semasa di Mekah, Rasulullah s.a.w. mengelakkan dakwah secara pergaduhan dan peperangan dengan tujuan untuk menunjukkan cara yang sempurna, betul dan terbaik untuk berdakwah. Baginda begitu sabar untuk meneruskan dakwahnya dengan ikhlas dan tabah dalam menghadapi segala rintangan dan cabaran.

Allah s.w.t. menguji kesabaran dan ketabahan para pendakwah. dengan memberi kesusahan dan ujian ketika ia melaksanakan tugasnya. Ujian tersebut adalah untuk membuktikan keikhlasan pendakwah terhadap Allah s.w.t. dan membersihkan dirinya daripada perkara *syubhah* (buruk). Ini merupakan sunnah para nabi dan rasul. Nabi Nuh a.s. contohnya, tinggal bersama-sama dengan kaumnya lebih kurang 950 tahun, menyeru kaumnya ke jalan Allah tetapi mereka menutup telinga dan menyelubungi diri mereka dengan pakaian supaya mereka tidak mendengar dakwah yang disampaikan. Mereka tetap degil dan takbur. Maka Allah S.W.T telah menurunkan banjir yang besar dan menghapuskan mereka dalam kezaliman mereka sendiri.

7. Tawadhu'.

Tawadhu' merupakan salah satu akhlak mulia yang perlu dimiliki oleh setiap pendakwah. Sifat tawadhu' adalah lawan bagi sifat takbur. Maksiat pertama yang berlaku selepas Allah mencipta nabi Adam ialah sifat takbur yang menyebabkan iblis telah dihalau dari syurga Allah. Tawadhu' adalah sifat rendah diri dan berkasih sayang terhadap sesama muslim. Sifat ini dapat membantu pendakwah menyatupadukan umat Islam dan menyuburkan perasaan kasih sayang. Segala tutur kata, perlakuan dan sifat-sifat mahmudah yang terpancar daripada pendakwah akan membuatkan ia disenangi dan menjadi contoh yang baik. Apabila pendakwah disenangi oleh orang lain, maka dakwahnya akan mudah diterima dan berkesan.

8. Penyantun.

Pendakwah selalu bertemu dengan manusia yang mempunyai pelbagai perangai dan ragam yang berbeza. Ada di antara mereka yang baik akhlaknya dan tidak kurang juga yang sebaliknya. Terdapat juga manusia yang kasar dan degil sifatnya. Pendakwah yang memiliki sifat penyantun akan berhadapan dengan manusia sebegini dengan hati yang terbuka dan berinteraksi dengan setiap orang dengan cara yang berkesan dan bermanfaat. Bersopan-santun bukanlah bermakna berdiam diri apabila dihina kerana seorang mukmin yang mulia tidak akan membenarkan dirinya dihina. Seseorang pendakwah itu perlu bersopan-santun apabila berhadapan dengan kejahilan orang yang jahil. Seseorang yang memiliki sifat ini tidak menggunakan kezaliman apabila mempertahankan haknya. Sekiranya seorang itu berdiam diri kerana kelemahannya dan tidak mampu untuk menolak serta mempertahankan haknya, maka itu adalah kerana kelemahannya, bukan sifat penyantun.

Terdapat banyak kisah yang menjelaskan tentang sifat penyantun dan pemaaf. Abdullah bin Tahir pernah berkata, 'Pada satu hari saya berada disisi al-Ma'mun dan dia memanggil khadamnya. 'Wahai khadam', tetapi tiada siapa yang menjawab. Kemudian dia memanggil lagi sambil menjerit. 'Wahai khadam' lalu seorang khadam Turki masuk dan berkata. 'Bukankah seorang khadam itu perlu makan dan minum? Setiap kali kami keluar dari bilik tuan, tuan akan menjerit memanggil kami'. Al-Ma'mun kemudian menundukkan kepalanya agak lama. Saya yakin bahawa beliau akan menyuruh saya memancung kepala khadam itu. Al-Ma'mun kemudian memandang saya dan berkata, 'Wahai Abdullah, seseorang itu kalau baik akhlaknya maka akan buruklah akhlak pembantunya (khadamnya). Oleh itu kita tidak boleh memburukkan akhlak kita demi memperbaiki akhlak khadam kita'.

Contoh Pendakwah Cemerlang.

Pendakwah dan orang yang didakwahnya hendaklah menjalinkan hubungan yang baik, ia hendaklah memimpin, menasihati dan memberi panduan kepada mereka agar tugas dakwah beroleh kejayaan. Para pendakwah juga perlu mengetahui keadaan orang yang didakwahnya dengan mempelajari adat, cara hidup, tabiat serta budaya mereka supaya dakwahnya akan diterima dan sampai ke dalam hati mereka. Pendakwah yang cemerlang adalah pendakwah yang mempunyai contoh seperti berikut:

1. Pendakwah yang menjaga kehormatan manusia serta perasaan mereka apabila berdakwah, amanah dalam menyimpan rahsia, jangan sekali-kali mencaci, menghina atau mengaibkan seseorang yang lain hingga menjatuhkan maruahnya di khalyak umum.
2. Pendakwah yang tidak takut atau tergugat dengan dugaan dan fitnah kerana usaha dakwah adalah tugas yang murni dan mulia disisi Allah.
3. Pendakwah yang tidak berasa hina apabila menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Orang yang menghina pendakwah sebenarnya menghina dirinya sendiri kerana terlalu memenuhi kehendak duniawi.
4. Pendakwah tidak boleh mencari kesalahan atau kesilapan orang lain dalam melaksanakan tugasnya.
5. Pendakwah tidak boleh melakukan perkara yang haram hanya semata-mata kerana mahu melaksanakan tugas dakwah.

Penutup.

Pendakwah yang sejati dan layak menjalankan tugas berdakwah adalah dalam kalangan orang yang sanggup mengorbankan diri, harta dan masanya untuk Allah s.w.t. bagi menegakkan risalah agung dan meneruskan tugas para nabi dan rasul untuk menyeru manusia ke jalan yang lurus serta

menyeru manusia ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Pendakwah adalah pewaris nabi. Mereka seharusnya mencontohi cara terbaik para nabi berdakwah dan menjadikannya sebagai ikutan yang baik. Pendakwah yang baik adalah mereka yang dapat mengangkat martabat agama dan umat Islam ke suatu peringkat yang membanggakan bersesuaian dengan keadaan zaman, masa dan tempat